



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 NOVEMBER 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

KOSMO

- KPKT mahu PBT sediakan taman permainan lebih selesa, selamat 18

Sinar Harian

- Penduduk gesa MPAJ pantau kontraktor 18

Utusan Malaysia

- PBT gagal selenggara longkang, punca banjir kilat 26



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 NOVEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	KPKT mahu PBT sediakan taman permainan lebih selesa, selamat
Muka Surat	18

KPKT mahu PBT sediakan taman permainan lebih selesa, selamat



MOHAMMAD (kiri) melihat ruang pameran Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 di Putrajaya semalam.

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi pihak berkuasa tempatan akan menyediakan taman permainan yang mempunyai persekitaran pembelajaran dalam permainan yang menarik, lengkap untuk pelbagai kategori umur, selesa dan selamat.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, alat permainan di taman itu juga perlu mencakupi pelbagai kategori kanak-kanak termasuk golongan kelainan upaya (OKU).

Katanya, keselamatan dari segi fungsi, rekabentuk alat, lokasi taman permainan serta kemudahan yang disediakan perlu diambil kira semua pihak.

"Saya melihat, bermain di taman permainan adalah amat

penting dalam perkembangan kanak-kanak dari aspek fizikal, mental serta sosial. Ia tidak akan diperolehi jika kanak-kanak bermain 'permainan maya' yang tidak melibatkan gerakan fizikal dan tiada interaksi sosial dengan kanak-kanak lain.

"Malangnya, jika kita pergi ke taman permainan di kawasan perumahan, seringkali didapati peralatan permainan di situ rosak akibat kegiatan vandalisme. Malah, kita juga boleh lihat, bukan sahaja kanak-kanak tetapi orang dewasa turut menggunakan alat permainan di situ," katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Seri Mohammad Mentek.

Seminar tersebut mengandungi lima pembentang ucapan dan 11 kertas kerja yang membincangkan isu-isu semasa dan senario pembinaan taman permainan kanak-kanak mencakupi aspek keselamatan dalam pengurusan.

Menurut Noh, sebanyak 45 taman awam telah dibina di seluruh negara dari tahun 1997 sehingga 2013 melibatkan peruntukan sebanyak RM500 juta.

Ujar beliau, bagi tempoh dua tahun Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM57 juta telah diluluskan melibatkan pembangunan sebanyak lima buah taman awam dan 38 Projek Persekitaran Kehidupan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 15 NOVEMBER 2017 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk gesa MPAJ pantau kontraktor
Muka Surat	18

SH 15/11/17 MS18 Penduduk gesa MPAJ pantau kontraktor

TAMAN MUDA - Penduduk di sebuah pangsapuri di sini, menggesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) supaya memantau kontraktor yang dilantik untuk melakukan kerja pembersihan.

Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Parti Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, penduduk turut mendakwa segelintir pekerja pembersihan itu dipercayai membuang sampah di dalam longkang sekali gus menyebabkan aliran air terganggu.

"Setiap kali hujan lebat, air akan melimpah ke jalan raya sehingga menyebabkan banjir jadi MPAJ harus menyelesaikan masalah longkang yang terdapat berhampiran kawasan perumahan itu yang dipercayai telah berlarutan sejak setahun lalu," katanya.

"Kontraktor yang dilantik ini melakukan kerja pembersihan hanya dua kali sebulan, sepatutnya mereka perlu membersihkan kawasan ini seminggu dua kali kerana keadaan persekitaran di sini dipenuhi daun-daun kering yang



Ben Liew (Idri) bersama penduduk menunjukkan sampah yang terkumpul di tepi longkang.

berguguran," katanya.

Menurutnya, penduduk turut meluahkan kebimbangan kerana kawasan itu merupakan tempat pembiakan nyamuk aedes dan penularan kes demam denggi.

"Saya akan menghantar surat kepada MPAJ berhubung aduan penduduk, saya berharap pihak berkuasa tempatan tersebut dapat mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah penduduk," katanya

Sementara itu seorang penduduk yang dikenali sebagai Thoo Mee Ling berjaya merakam tindakan salah seorang pekerja kontraktor pembersihan yang dipercayai berkerja sambil lewa ke-

tika menyapu sampah.

"Salah seorang daripada pekerja berkenaan dipercayai turut menolak sampah yang disapu itu ke dalam longkang," katanya.

Menurutnya, seorang warga emas, Lee Boon Pin, 82, yang mendiami pangsapuri itu, turut 'membantu' menyapu sampah di sekitar kawasan kediaman itu pada setiap pagi.

"Dia mendakwa tidak selesa apabila melihat kawasan ini dipenuhi sampah, oleh itu dia mengambil tindakan menyapu sampah setiap pagi," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 NOVEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PBT gagal selenggara longkang, punca banjir kilat
Muka Surat	26

UM 15/11/17 AKS 02
PBT gagal selenggara longkang, punca banjir kilat

AMPANG JAYA 14 Nov. - Sikap sambil lewa dan kegagalan pihak berkuasa tempatan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan longkang menyebabkan penduduk di Jalan Bunga Cempaka 2 di sini terpaksa berdepan banjir kilat setiap kali hujan lebat.

Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Parti Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, sikap ambil mudah pekerja pembersihan yang membuang sampah sarap turut menjadi punca longkang tersumbat.

Beliau berkata, masalah tersebut bukanlah baharu, namun sehingga hari ini tiada sebarang

tindakan diambil pihak bertanggungjawab.

"Aduan berhubung perkara itu telah dikemukakan penduduk berulang kali sejak setahun lalu.

"Penduduk bimbang setiap kali hujan lebat berpanjangan, kawasan perumahan mereka akan dilanda banjir kilat, longkang melimpah sehingga memasuki rumah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tambah Ben Liew, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sepatutnya mengambil berat masalah yang dihadapi penduduk dengan membuat pemantauan dari semasa ke semasa.

"Selain itu, penduduk di kawasan ini juga berharap pihak yang berkenaan dapat menyediakan lampu jalan memandangkan suasananya gelap dan bahaya pada waktu malam.

Sementara itu, seorang penduduk Lee Boo Pin, 82, berkata, setiap pagi dia terpaksa mengambil alih kerja kontraktor pembersihan PBT itu dengan menyapu daun-daun yang berselerak di jalan raya berhampiran rumahnya.

"Jika tidak berbuat demikian, daun-daun kering akan memenuhi jalan memandangkan sisa berkenaan dikutip dua kali sebulan sahaja," katanya.



BEN LIEW POK BOON (kiri) bersama penduduk memerhatikan longkang tersumbat di Jalan Bunga Cempaka 2, Ampang Jaya, Selangor, semalam.